



# The Observer

23.06.2023

## ❖ **Siapa selepas Buffett?: Mencipta buku panduan pelaburan peribadi anda**

Dalam dunia pelaburan yang luas dan dinamik, ada kalanya kita bertemu pengikut yang mampu melafazkan kebijaksanaan pelabur terkenal seperti Warren Buffett, namun mereka bergelut untuk mencapai kejayaan. Bayangkan situasi ini: ada dua pelabur, kedua-duanya didedahkan kepada prinsip dan falsafah pelaburan yang sama. Kedua-duanya menghormati dan mengagumi legenda dunia pelaburan seperti Buffett. Meskipun mereka mempunyai persamaan ini, seorang daripada mereka secara konsisten mengatasi prestasi yang lain. Apakah yang membezakan mereka? Ia tidak semudah mengaitkan perbezaan mereka dengan nasib atau kerja keras semata-mata. Sebaliknya, jawapannya mungkin terletak pada unsur-unsur keperibadian dan kebolehsuaian yang sering diabaikan dalam pelaburan.

### **Jadikan Yang Unggul sebagai inspirasi, bukan meniru bulat-bulat**

Mari kita lihat dari perspektif Michael Burry, pelabur hebat yang terkenal dengan pertaruhannya yang berjaya menumpaskan gelembung perumahan AS pada pertengahan 2000-an. Burry mengakui kepintaran Buffett yang tiada tandingannya, namun mencadangkan bahawa tindakan meniru strategi pelabur yang berjaya secara membabi buta bukanlah strategi yang menjamin kejayaan. Sebaliknya, beliau menekankan keperluan untuk belajar daripada tokoh-tokoh pelabur ini dan pada masa yang sama turut membangunkan strategi yang sesuai dengan keunikan peribadi seseorang. Burry pernah berkata, "Buffett seorang yang unik, seperti mana-mana pelabur lain,". Mengikuti pemerhatian Burry, Buffett tidak meniru mentornya iaitu Benjamin Graham, sebaliknya mencipta pendekatan dan falsafah pelaburannya sendiri. "Jika anda mahu menjadi pelabur yang hebat, anda perlu menyesuaikan gaya (pelaburan) dengan keperibadian sendiri."

Buah fikiran Burry ini turut disokong oleh Dewata Omaha sendiri. Sewaktu mesyuarat tahunan Berkshire Hathaway pada 1994, seorang pemegang saham mengemukakan soalan kepada Buffett, bertanyakan pendapat beliau tentang Peter Lynch iaitu seorang pelabur cemerlang yang mengurus Dana Magellan di Fidelity Investments dari 1977 hingga 1990 dan berjaya mengatasi prestasi pasaran secara besar-besaran dalam tempoh tersebut. Memandangkan terdapat beberapa persamaan dalam gaya pelaburan mereka, pemegang saham itu tertarik tentang cara Buffett melihat falsafah pelaburan Lynch dan membandingkannya dengan falsafah pelaburan Buffet.

Buffett mengakui terdapat persamaan namun menekankan perbezaan yang jelas. Lynch cenderung ke arah strategi pelaburan yang lebih pelbagai iaitu memegang portfolio saham yang luas, manakala Buffett sendiri memilih pendekatan yang lebih berfokus. Buffett menyatakan bahawa jika beliau cuba mengamalkan gaya Lynch atau jika Lynch berusaha untuk meniru gayanya, mereka mungkin tidak mencapai tahap kejayaan yang sama.

Amanat paling penting, Buffett menegaskan bahawa tiada satu cara yang "betul" untuk melabur, menyamakannya dengan pelbagai laluan yang boleh ditempuh untuk menuju ke "syurga". Kata-katanya yang tepat ialah, "Saya pernah berpesan dalam dunia pelaburan, bahawa terdapat lebih daripada satu cara untuk ke syurga. Tiada kepercayaan yang sah dalam perkara ini namun terdapat beberapa ajaran yang amat berguna." Pengajaran daripada metafora Buffett ini ialah beliau mengakui keberkesanan pelbagai falsafah pelaburan.

### **Meletakkan batu asas**

Kepentingan mencipta buku panduan pelaburan mengikut peribadi sendiri menjadi lebih jelas apabila anda mendalami dunia pelaburan. Mulakan dengan menghayati kebijaksanaan pelabur yang berjaya seperti Buffett. Selidik dan fahami strategi, prinsip dan falsafah mereka – ini menjadi asas yang kukuh sebagai penyuluh perjalanan pelaburan anda. Panduan ini memberikan anda keupayaan untuk memahami logik dan gerak hati di sebalik keputusan pelaburan yang berjaya, daripada memahami arah aliran pasaran sehinggalah kepada analisis kritikal terhadap kesihatan kewangan syarikat.

Walaupun kebijaksanaan pelabur yang berjaya dapat menerangi perjalanan pelaburan anda, pemahaman teori sahaja tidak mencukupi. Komponen utama pelaburan yang berjaya terletak pada keupayaan anda untuk bermuhasabah dan menilai keunikan anda sebagai seorang insan. Ia berfungsi sebagai kompas untuk membimbing anda ke arah pendekatan pelaburan yang sesuai dengan keperibadian anda yang unik.

### **Manfaatkan kekuatan anda**

Dalam bidang pelaburan, terimalah keistimewaan dan kelebihan diri sendiri kerana pendekatan formula sering gagal membuahkan hasil yang konsisten. Manfaatkan kekuatan, kemahiran dan kecenderungan anda untuk membentuk strategi yang berjaya. Adakah anda mempunyai kemahiran untuk memahami syarikat teknologi atau adakah anda berasa lebih selesa untuk melabur dalam sektor tradisional seperti barangan pengguna? Mengenal pasti zon selesa dan bidang kepakaran anda boleh membantu anda membuat keputusan pelaburan yang lebih termaklum.

Pelaburan bukan bidang yang statik. Ia adalah landskap dinamik yang memerlukan kebolehsuaian. Strategi anda perlulah fleksibel serta mampu menerima peralihan pasaran iaitu suatu landskap yang sentiasa berkembang dengan kemunculan sektor dan trend baharu. Kesediaan untuk belajar, sentiasa mengikuti perkembangan pasaran terkini serta menyesuaikan pendekatan anda dengan sewajarnya adalah faktor kritikal untuk membuka kunci potensi pelaburan anda sekaligus membuka laluan ke puncak kejayaan.

Oleh itu, apabila anda memetakan perjalanan pelaburan anda, ingatlah bahawa laluan kepada kejayaan kewangan bukan sekadar replikasi laluan orang lain semata-mata. Ia merangkumi perjalanan yang rumit yang anda tentukan sendiri, berpandukan falsafah pelaburan yang paling sesuai dengan diri anda. Dalam arena pelaburan yang sentiasa berkembang ini, semoga anda menemui laluan unik anda ke syurga pelaburan. Ingatlah, dalam arena ini, keperibadian anda bukan sekadar identifi, malah ia juga kelebihan daya saing anda.

Jadilah pelabur yang unik, mengikut acuan anda sendiri.

**Clint Loh**  
**Pengurus, Pemantauan Korporat**

---

### Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 26 hingga 30 Jun 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
26.06.23 (Isnin) 11.00 pagi	Favelle Favco Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Favco pada tahun kewangan 2022 menyusut 2.5% kepada RM595 juta daripada RM610 juta pada tahun kewangan 2021. Kumpulan Automasi Pintar dan bahagian kren masing-masing menyumbangkan pendapatan berjumlah RM149 juta dan RM446 juta.</p> <p>Bagaimanapun, untung bersihnya merudum kepada RM39 juta daripada RM48 juta pada tahun kewangan 2021 disebabkan oleh inflasi, gangguan rantaian bekalan dan pengeluaran yang rendah akibat pandemik Covid-19.</p> <p>Kumpulan kekal optimistik dengan pemulihan harga minyak dan pertambahan pelaburan dalam pasaran minyak dan gas, di samping peningkatan dalam pesanan perdagangan dan limbungan kapal.</p>
26.06.23 (Isnin) 02.00 petang	Eversendai Corporation Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan berakhir 2022, Eversendai mencatatkan pendapatan yang lebih rendah berjumlah RM905.3 juta berbanding RM1.22 bilion pada tahun kewangan berakhir 2021. Penurunan ini berpunca daripada</p>

		<p>kelewatan permulaan projek yang diperoleh selain kelewatan dalam penganugerahan projek baharu.</p> <p>Eversendai merekodkan rugi sebelum cukai (<i>loss before tax</i>, LBT) yang lebih tinggi berjumlah RM366.8 juta pada tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: LBT sebanyak RM146 juta), yang selaras dengan pendapatan yang lebih rendah serta kerugian rosot nilai bersih yang lebih tinggi ke atas instrumen kewangan dan aset kontrak sebanyak RM162.7 juta (tahun kewangan 2021: RM55.8 juta).</p>
26.06.23 (Isnin) 02.00 petang	Muhibbah Engineering (M) Bhd (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2022, Kumpulan MEB mencatatkan untung bersih yang lebih tinggi berjumlah RM5.72 juta berbanding RM2.5 juta pada tahun kewangan 2021. Kenaikan dalam untung selepas cukai (<i>profit after tax</i>, PAT) sebahagian besarnya berpunca daripada pendapatan faedah yang lebih tinggi sebanyak RM19.42 juta (tahun kewangan 2021: RM8.18 juta) dan bahagian kerugian syarikat bersekutu yang jauh lebih rendah sebanyak RM1.2 juta (tahun kewangan 2021: - RM28.05 juta).</p>
27.06.23 (Selasa) 09.00 pagi	Teck Guan Perdana Berhad (AGM)	<p>Teck Guan menyaksikan peningkatan 65% dalam untung sebelum cukai kepada RM40.88 juta pada tahun kewangan 2022, walaupun pendapatan menyusut sebanyak 2.6% kepada RM489.66 juta. Pendapatan yang lebih rendah berpunca daripada volum jualan yang lebih rendah.</p> <p>Sementara itu, segmen produk minyak sawit melaporkan keuntungan operasi yang lebih tinggi sebanyak RM37.74 juta berbanding RM23.97 juta setahun lalu, terutamanya disebabkan oleh harga jualan purata yang lebih tinggi. Segmen produk koko menyaksikan keuntungan operasi yang sedikit rendah sebanyak RM1.54 juta berbanding RM1.55 juta setahun lalu.</p>
27.06.23 (Selasa) 09.30 pagi	PBA Holdings Berhad (AGM)	<p>PBA mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2022 sebanyak RM347.99 juta berbanding RM342.10 juta pada tahun</p>

		<p>keuangan 2021. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pengebilan yang lebih tinggi selaras dengan peningkatan penggunaan air di Pulau Pinang.</p> <p>Sementara itu, terdapat peningkatan dalam untung sebelum cukai syarikat kepada RM33.0 juta yang disebabkan oleh perubahan dalam dasar perakaunan untuk pengiktirafan aset yang dipindahkan daripada pemaju sebagai pendapatan. Aset yang dipindahkan kini diiktiraf sebagai pendapatan pada masa apabila pemindahan tersebut dilaksanakan oleh pemaju.</p>
27.06.23 (Selasa) 10.00 pagi	Suria Capital Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM302.0 juta pada tahun kewangan 2022, meningkat RM50.7 juta atau 20.2% berbanding RM251.3 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Peningkatan dalam pendapatan sebahagian besarnya berpunca daripada sektor pembangunan hartanah, yang mana tempat letak kereta JQ Central yang bernilai RM28.8 juta telah diserahkan kepada Suria berikutan usaha sama dengan SBC.</p> <p>Untung bersih Kumpulan melonjak 49.6% tahun ke tahun kepada RM59.1 juta daripada RM39.5 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.</p>
27.06.23 (Selasa) 10.00 pagi	Malaysia Building Society Berhad (AGM)	<p>Tidak dinafikan, pemegang saham MBSB menerima durian runtuh pada tahun kewangan 2022 dengan pembayaran dividen sebanyak 8.5 sen sesaham berbanding 3.5 sen pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Bagi tahun kewangan 2023, tumpuan Kumpulan akan diberikan kepada pengambilalihan Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) dengan harga RM1.01 bilion daripada Permodalan Nasional Berhad melalui perjanjian pertukaran saham. Kumpulan perbankan tersebut menjangkakan penggabungan itu akan memanfaatkan segmen pembiayaan bukan runcitnya selain daripada perniagaan perbankan</p>

		pelaburan, kewangan pembangunan dan pengurusan aset MIDF yang sedia ada.
28.06.23 (Rabu) 10.00 pagi	OCK Group Berhad (AGM)	<p>Pendapatan OCK melonjak kepada RM617.1 juta pada tahun kewangan 2022 daripada RM488.2 juta pada tahun kewangan 2021. Pertumbuhan pendapatan disumbangkan oleh segmen Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi, yang menyumbangkan 89.8% daripada pendapatan keseluruhan OCK. Sementara itu, untung bersihnya meningkat kepada RM32.8 juta (tahun kewangan 2021: RM25.4 juta).</p> <p>Kelancaran peluncuran 5G dan lanjutan program JENDELA akan terus memacu pertumbuhan pendapatan kerana OCK masih komited untuk menyerahkan buku pesanan dengan amaun melebihi RM386 juta.</p>
28.06.23 (Rabu) 10.00 pagi	LFE Corporation Berhad (AGM)	<p>Kumpulan LFE berjaya memulihkan prestasi kewangannya pada tahun kewangan 2022 dengan keuntungan daripada operasi berjumlah RM3.17 juta berbanding kerugian daripada operasi sebanyak RM11.08 juta pada tahun sebelumnya, hasil daripada sebuah anak syarikat yang baru diambil alih iaitu Cosmo Property Management Sdn Bhd (CPMSB).</p> <p>Kumpulan menjangkakan untuk memuktamadkan perolehan baki 49% kepentingan dalam CPMSB menjelang suku kedua 2023. Pengambilalihan itu akan mengukuhkan lagi kedudukannya dalam pasaran serta menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan Kumpulan secara keseluruhan.</p>
28.06.23 (Rabu) 10.00 pagi	Efficient E-Solutions Berhad (AGM)ET567	<p>Pendapatan Efficen melonjak 97% kepada RM18.9 juta pada tahun kewangan 2022, didorong oleh prestasi yang kukuh dalam perkhidmatan IT yang merangkumi segmen Keselamatan Siber dan penyimpanan dokumen.</p> <p>Pendapatan daripada perkhidmatan IT melonjak 108%, berpunca daripada kontrak baharu dan peningkatan</p>

		<p>perbelanjaan oleh institusi kewangan. Pendapatan segmen penyimpanan dokumen meningkat 32% disebabkan oleh pelonggaran sekatan pergerakan.</p> <p>Walaupun berdepan kerugian bersih berjumlah RM1.2 juta, Efficen mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh dengan aset yang teguh, rizab tunai dan liabiliti yang minimum. Sebagai sebahagian daripada strategi kepelbagaian syarikat, mereka memperoleh kontrak pengurusan rekod daripada Datapos dan kepentingan ekuiti dalam FCS International bagi memantapkan perniagaan penyimpanan dokumen mereka. Mereka merancang untuk menyerahkan pelan penyusunan semula kepada Bursa Securities sebelum atau pada 30 Jun 2023.</p>
28.06.23 (Rabu) 10.00 pagi	Privasia Technology Berhad (AGM)	<p>Pada tahun 2022, pendapatan segmen teknologi maklumat (<i>Information Technology, IT</i>) Privasia merosot kepada RM26.6 juta manakala segmen teknologi komunikasi dan maklumat (<i>Information and Communications Technology, ICT</i>) meningkat kepada RM6.4 juta dan segmen perkhidmatan rangkaian berasaskan satelit (<i>Satellite-based network services, SAT</i>) menyaksikan pertumbuhan yang ketara iaitu RM7.76 juta.</p> <p>Keuntungan operasinya meningkat kepada RM4.13 juta, diperoleh daripada Projek <i>Point of Presence - Fasa 2</i> yang dianugerahkan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. Projek ini akan menjana pendapatan yang konsisten selama lapan tahun (tiga tahun untuk mengatur kedudukan, lima tahun penyelenggaraan).</p> <p>Secara keseluruhan, Syarikat berjaya mengurangkan rugi bersihnya daripada RM2.3 juta kepada RM1.3 juta. Pengurangan kerugian ini boleh dikreditkan kepada langkah penjimatan kos dan hasil daripada projek yang sedang berjalan.</p>

<p>28.06.23 (Rabu) 10.00 pagi</p>	<p>Aurelius Technologies Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan 2023, pendapatan Atech mencecah RM482.4 juta, terutamanya didorong oleh produk komunikasi dan internet benda (<i>Internet of Things, IoT</i>) (83.4%), peranti elektronik (11.0%) dan komponen semikonduktor (5.6%).</p> <p>Pendapatan yang lebih kukuh berpunca daripada peningkatan penggunaan infrastruktur pengeluaran baharu serta rantai bekalan global yang semakin pulih. Secara geografi, Amerika Syarikat menyumbang hampir separuh (49.5%) daripada pendapatan Atech bagi tahun kewangan 2022, diikuti oleh Malaysia (28.5%), Asia Pasifik (11.9%) dan Eropah (10.1%).</p> <p>Untung sebelum cukai Atech meningkat kepada RM40.3 juta, dengan perbelanjaan berjumlah RM21.4 juta. Kumpulan mencapai untung bersih tertingginya sebanyak RM37.2 juta, mewakili peningkatan 69.0% tahun ke tahun.</p>
<p>28.06.23 (Rabu) 10.30 pagi</p>	<p>MLABS System Berhad (EGM)</p>	<p>Mesyuarat agung luar biasa (EGM) ini berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan mempelbagaikan aktiviti utama MLABS dan anak-anak syarikatnya termasuk pemfaktoran, pembiayaan pembangunan, pajakan dan perniagaan kredit bangunan.</p>
<p>28.06.23 (Rabu) 11.30 pagi</p>	<p>LFE Corporation Berhad (EGM)</p>	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan mandat pemegang saham untuk urus niaga berulang pihak berkaitan yang bersifat pendapatan atau perdagangan.</p>
<p>28.06.23 (Rabu) 02.00 petang</p>	<p>China Ouhua Winery Holdings Limited (AGM)</p>	<p>Kumpulan menamatkan tahun kewangan 2022 dengan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RMB14.62 juta (tahun kewangan 2021: RMB15.721 juta) dan rugi bersih sebanyak RM25.94 juta.</p> <p>Angka kerugian yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2022 adalah disebabkan oleh penurunan nilai Inventori, yang berjumlah RMB15.396 juta dan rosot nilai ke atas hartanah,</p>



		loji dan peralatan sebanyak RMB6.39 juta.
30.06.23 (Jumaat) 10.00 pagi	Pegasus Heights Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan merudum 39.8% kepada RM16.0 juta, terutamanya disebabkan oleh penurunan mendadak dalam dagangan dan sedikit sebanyak, segmen Perundingan Pengurusan Projek.</p> <p>Kumpulan mencatatkan rugi sebelum cukai dan rugi bersih yang lebih rendah pada tahun kewangan 2022, tidak termasuk tuntutan insurans tidak berulang berjumlah RM3.0 juta, kekurangan jaminan keuntungan berjumlah RM1.9 juta dan rosot nilai ke atas muhibah berjumlah RM16.0 juta pada tahun sebelumnya.</p>
30.06.23 (Jumaat) 11.00 pagi	Shin Yang Shipping Corporation Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk menukar nama Syarikat daripada "Shin Yang Shipping Corporation Berhad" kepada "Shin Yang Group Berhad".
30.06.23 (Jumaat) 11.30 pagi	Pegasus Heights Berhad (EGM)	<p>Syarikat mencadangkan resolusi berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Cadangan pengurangan modal saham terbitan PHB menurut Seksyen 115(A) dibaca bersama-sama Seksyen 116 Akta Syarikat 2016</li> <li>2) Cadangan mempelbagaikan aktiviti perniagaan sedia ada PHB dan anak syarikatnya untuk memasukkan Perniagaan Pinjaman Wang</li> <li>3) Cadangan kuasa kepada Syarikat membeli saham biasanya sendiri.</li> </ol>

**Perkara penting untuk diketengahkan:**

Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Favelle Favco Berhad (AGM)	Jumlah peruntukan untuk kerugian yang boleh dijangka meningkat daripada RM1.4 juta pada tahun kewangan 2021 kepada RM7.56 juta pada tahun kewangan 2022. (Halaman 57, Laporan Tahunan 2022).

	<p>a) Kontrak manakah yang terkesan dan apakah sebab utama peruntukan yang besar untuk kerugian boleh dijangka pada tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Apakah kemungkinan syarikat membuat peruntukan lanjutan atau pembalikan dalam tahun kewangan 2023?</p>
<p>Eversendai Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan berakhir 2022, Kumpulan mencatatkan kerugian rosot nilai yang lebih tinggi ke atas penghutang perdagangan sebanyak RM83,518,000 (tahun kewangan berakhir 2021: RM19,496,000) dan kerugian rosot nilai yang lebih tinggi ke atas aset kontrak dari pasaran Timur Tengah sebanyak RM83,893,000 (2021: RM30,544,000). Terdapat juga pembalikan kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan dan aset kontrak pada tahun kewangan berakhir 2022 (Halaman 112 &amp; 114, Penyata Kewangan Beraudit 2022).</p> <p><u>Kerugian Rosot Nilai ke atas Penghutang Perdagangan</u></p> <p>a) Apakah yang menyebabkan kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan? Penghutang perdagangan manakah yang terlibat dalam proses rosot nilai ini?</p> <p>b) Apakah tindakan yang diambil untuk mengurus penghutang dan mendapatkan semula jumlah tersebut? Berapakah jumlah yang berjaya dipulihkan setakat ini? Berapakah peratus daripada jumlah penghutang yang dirosot nilai dijangka dapat diperolehi semula?</p> <p><u>Kerugian Rosot Nilai ke atas Aset Kontrak</u></p> <p>a) Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam rosot nilai aset kontrak?</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil untuk mendapatkan semula jumlah tersebut? Berapakah jumlah yang berjaya dipulihkan setakat ini?</p> <p>c) Berapakah peratus daripada jumlah aset kontrak yang dirosot nilai dijangka dapat diperolehi semula?</p> <p>d) Melihat peningkatan yang ketara dalam rosot nilai, adakah terdapat keperluan untuk mengkaji semula dasar kredit Kumpulan?</p>
<p>Muhibbah Engineering (M) Bhd (AGM)</p>	<p>Kos pengagihan yang tinggi sebanyak RM23,255,000 telah ditanggung pada tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: RM13,646,000), mewakili peningkatan tahun ke tahun sebanyak RM9,609,000 atau 70.42% (Halaman 56, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Apakah alasan di sebalik peningkatan yang ketara dalam kos pengedaran? Adakah Kumpulan MEB menjangkakan kos ini akan kekal pada tahap yang sama atau lebih tinggi pada tahun kewangan 2023?</p>

<p>Teck Guan Perdana Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan 2022, 84.4% kawasan tanaman kelapa sawit telah mencapai kematangan dengan purata umur 19 tahun. Sementara itu, hasil tandan buah segar (<i>fresh fruit bunch</i>, FFB) merosot 25.3% pada tahun kewangan 2022. (Halaman 16, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Berapakah keluasan kawasan matang yang telah melepasi tempoh atau tidak dapat memenuhi jangkaan hasil FFB Kumpulan?</p> <p>b) Berapakah jumlah kos pengeluaran Kumpulan bagi setiap tan metrik FFB pada tahun kewangan 2022 dan tahun kewangan 2021? Apakah jangkaan untuk tahun kewangan 2023?</p> <p>c) Apakah tahap produktiviti buruh Kumpulan dari segi nisbah liputan buruh kepada tanah pada tahun kewangan 2022? Berapa ramai pekerja tambahan yang diperlukan oleh Kumpulan untuk beroperasi pada kapasiti optimum?</p> <p>d) Adakah Kumpulan merancang untuk mengambil lebih ramai pekerja pada tahun ini? Jika ya, berapakah jumlahnya?</p>												
<p>PBA Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Air tidak terhasil (<i>non-revenue water</i>, NRW) atau peratusan kerugian air di Pulau Pinang melonjak daripada 17.6% pada tahun 2012 kepada 26.3% pada tahun 2022.</p> <p>a) Apakah faktor yang menyebabkan peningkatan ketara dalam NRW selama ini?</p> <p>b) Apakah cabaran yang menghalang Kumpulan daripada mengekalkan tahap NRW seperti 10 tahun yang lalu?</p> <p>c) Apakah tindakan yang diambil oleh Kumpulan untuk mengurangkan NRW?</p> <p>d) Apakah sasaran NRW (dalam peratus) yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah untuk tempoh segera dan sederhana?</p>												
<p>Suria Capital Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Berikut adalah jadual jumlah yuran pengarah untuk pengarah bukan eksekutif yang dibentangkan untuk kelulusan pemegang saham pada AGM Syarikat sepanjang lima tahun yang lalu.</p> <table border="1" data-bbox="592 1664 1385 1899"> <thead> <tr> <th>Tahun Kewangan</th> <th>Yuran Pengarah kepada Pengarah Bukan Eksekutif (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2018</td> <td>463,000</td> </tr> <tr> <td>2019</td> <td>345,000</td> </tr> <tr> <td>2020</td> <td>312,000</td> </tr> <tr> <td>2021</td> <td>387,000</td> </tr> <tr> <td>2022</td> <td>812,000</td> </tr> </tbody> </table> <p>a) Adakah terdapat sebarang justifikasi untuk kenaikan mendadak iaitu kira-kira 110% dalam yuran pengarah bagi tahun 2022?</p>	Tahun Kewangan	Yuran Pengarah kepada Pengarah Bukan Eksekutif (RM)	2018	463,000	2019	345,000	2020	312,000	2021	387,000	2022	812,000
Tahun Kewangan	Yuran Pengarah kepada Pengarah Bukan Eksekutif (RM)												
2018	463,000												
2019	345,000												
2020	312,000												
2021	387,000												
2022	812,000												

	<p>b) Imbuan yang perlu dibayar kepada pengarah bukan eksekutif bagi tahun kewangan 2022 adalah berdasarkan struktur imbuan seperti yang dizahirkan dalam Nota C kepada Notis AGM ke-40. Sila berikan struktur imbuan bagi tahun kewangan 2021 dan tahun kewangan 2019.</p> <p>c) Pada masa ini, lembaga pengarah Suria mempunyai seramai 10 ahli, yang meningkat dengan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Apakah sebab-sebab di sebalik peningkatan ini dan bagaimanakah ia memberikan nilai tambah kepada pemegang saham?</p>
Malaysia Building Society Berhad (AGM)	<p>Pada 9 Jun 2023, MBSB mengumumkan bahawa ia telah memeterai perjanjian pembelian saham bersyarat dengan Permodalan Nasional Berhad untuk memperoleh keseluruhan modal saham Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) pada harga RM1.01 bilion melalui pertukaran saham.</p> <p>a) Apakah sinergi daripada pengambilalihan ini? Bagaimanakah pengambilalihan ini dapat memberikan manfaat kepada perniagaan perbankan Komersial dan Korporat MBSB?</p> <p>b) Berdasarkan penilaian semasa, berapa lamakah proses integrasi selepas penggabungan untuk membolehkan MBSB mendapatkan manfaat sepenuhnya daripada pengambilalihan ini?</p> <p>c) Bagaimanakah pengambilalihan itu mengubah kualiti aset MBSB serta kos dan struktur modal MBSB selepas penggabungan?</p>
OCK Group Berhad (AGM)	<p>Penglibatan OCK dalam pengaturan kedudukan 5G tempatan adalah dalam dua cara. Pertama, menaik taraf lebih daripada 160 menara 4G yang sedia ada untuk menyokong perkhidmatan 5G, yang seterusnya akan dipajakkan kepada DNB. Kedua, OCK terlibat dalam bahagian tertentu kerja-kerja pembinaan lebih 80 menara 5G baharu DNB. (Halaman 34, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Bilakah kerja-kerja menaik taraf 160 menara 4G yang sedia ada dan pembinaan lebih daripada 80 menara 5G baharu DNB dijangka siap?</p> <p>b) Selain menaik taraf 160 menara 4G yang sedia ada untuk menyokong perkhidmatan 5G dan pembinaan lebih daripada 80 menara 5G baharu DNB, berapa banyak lagi menara 4G yang akan dinaik taraf dan berapa banyak menara 5G baharu yang akan dibina untuk pemain telekomunikasi lain?</p>
LFE Corporation Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2022, Kumpulan mencapai margin untung kasar (<i>gross profit</i>, GP) sebanyak 10%, menyusut daripada margin GP tahun sebelumnya iaitu 20%. Ini</p>

	<p>sebahagian besarnya disebabkan oleh projek pembangunan bercampur baharu Cosmo Property Management Sdn Bhd (CPMSB) di Selangor yang dimulakan pada tahun semasa, yang menawarkan margin keuntungan yang lebih rendah sebanyak 5%. Margin yang rendah ini menjejaskan margin purata projek Kumpulan.</p> <p>Margin keuntungan purata dalam sektor pembinaan dijangka menurun berbanding tahun sebelumnya. Bagi menangani cabaran ini, Kumpulan merancang untuk melaksanakan langkah-langkah untuk mengekalkan atau meningkatkan margin keuntungan, seperti menambah baik pengurusan kos dan meningkatkan penglibatan teknologi dalam pengurusan projek. (Halaman 4, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Melihat cabaran yang dihadapi oleh industri pembinaan, persaingan sengit ke atas projek baharu serta tekanan yang berterusan ke atas nilai kontrak, bagaimanakah pihak pengurusan memastikan kontrak yang diperolehi memberikan margin keuntungan yang mencukupi yang dapat mencipta nilai kepada pemegang saham?</p> <p>b) Sila huraikan cara pihak pengurusan memantapkan pengurusan kosnya dengan memanfaatkan teknologi.</p> <p>c) Apakah margin keuntungan yang disasarkan untuk segmen pembinaan, mekanikal dan elektrik (<i>mechanical and electrical, M&amp;E</i>) bagi tahun kewangan 2023?</p>
Efficient E-Solutions Berhad (AGM)	<p>Baki Penghutang Lain Syarikat berjumlah RM4.66 juta pada tahun kewangan 2022, manakala peruntukan kerugian rosot nilai ke atas Penghutang Lain berjumlah RM4.5 juta pada tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: RM4.5 juta) (Halaman 99, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Sila senaraikan komponen Penghutang Lain yang mengalami kerugian rosot nilai.</p> <p>b) Apakah yang menyebabkan kerugian rosot nilai yang besar?</p> <p>c) Apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk memastikan tiada peningkatan seterusnya dalam kerugian rosot nilai ke atas Penghutang Lain?</p> <p>d) Setakat ini, berapakah jumlah Penghutang Lain yang dirosot nilai telah berjaya dipulihkan?</p>
Privasia Technology Berhad (AGM)	<p>1. Hapus kira ke atas penghutang perdagangan berjumlah RM988,088 pada tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: Tiada) (Halaman 114, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Apakah sifat dan latar belakang penghutang perdagangan yang dihapus kira?</p>

	<p>b) Apakah tindakan yang diambil untuk mendapatkan semula jumlah tersebut sebelum dihapus kira?</p> <p>2. Penghutang perdagangan Kumpulan yang sudah melepasi tempoh lebih dari 31 hingga 60 hari telah meningkat dengan ketara daripada RM397,543 pada tahun kewangan 2021 kepada RM2,886,013 pada tahun kewangan 2022 (Halaman 134, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Apakah kesukaran yang dihadapi oleh Kumpulan sewaktu membuat kutipan penghutang perdagangan yang sudah melepasi tempoh lebih dari 31 hingga 60 hari kerana jumlah yang tertunggak meningkat dengan ketara?</p> <p>b) Adakah Kumpulan mengalami proses kutipan penghutang yang lebih perlahan? Apakah kesan lanjutan tempoh kredit ke atas aliran tunai Kumpulan?</p>
<p>Aurelius Technologies Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan 2023, Amerika Syarikat (AS) masih menjadi penyumbang pendapatan tertinggi Kumpulan iaitu 49.5%, diikuti oleh Malaysia (28.5%), Asia Pasifik (11.9%) dan Eropah (10.1%). Walaupun pendapatan dari AS meningkat sebanyak 3.0%, Malaysia menyaksikan penurunan ketara sebanyak 6.4%. Kumpulan berhasrat untuk meningkatkan pendapatan daripada pelanggan Asia Pasifik, sekaligus mencapai sumbangan mengikut geografi yang lebih seimbang. (Halaman 18, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a. Apakah faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan pendapatan daripada pasaran AS? Adakah terdapat barisan produk atau segmen pelanggan tertentu yang mendorong prestasi ini?</p> <p>b. Apakah sebab di sebalik penurunan pendapatan yang ketara dari Malaysia? Dapatkah Kumpulan mengenal pasti sebarang cabaran atau dinamik pasaran tertentu yang menjejaskan prestasinya dalam pasaran ini?</p> <p>c. Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk mempelbagaikan jualan mengikut geografi bagi mengurangkan pergantungan terhadap pasaran AS?</p>
<p>China Ouhua Winery Holdings Limited (AGM)</p>	<p>1. Inventori kerja dalam proses (<i>work in progress</i>, WIP) Syarikat kekal pada RMB84.7 juta bagi kedua-dua tahun kewangan 2021 dan 2022 dan Syarikat perlu menghapus kira 100% daripada WIP ini sebagai elaun untuk inventori usang pada tahun kewangan 2022. (Halaman 88, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Mengapakah WIP kekal tidak berubah bagi kedua-dua tahun kewangan 2021 dan 2022?</p>

	<p>b) Nampaknya Syarikat tidak berjaya menukar WIP kepada barangan siap. Sila jelaskan sebab-sebabnya.</p> <p>c) Adakah terdapat sebarang WIP yang ditukar kepada barangan siap pada tahun kewangan 2022? Jika ada, berapakah jumlahnya?</p> <p>d) Adakah syarikat mencuba untuk menjual WIP ini dan sebaliknya mengenakan rosot nilai ke atasnya? Jika tidak, mengapa?</p> <p>2. Syarikat telah mengenakan rosot nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan sebanyak RMB20.2 juta pada tahun kewangan 2022. (Halaman 62, Laporan Tahunan)</p> <p>Sila berikan pecahan hartanah, loji dan peralatan yang dirosot nilai pada tahun kewangan 2022 bersama jumlah masing-masing.</p>
<p>Pegasus Heights Berhad (AGM)</p>	<p>Segmen perniagaan perundingan pengurusan projek (<i>project management consultancy, PMC</i>) mencatatkan rugi sebelum cukai yang lebih tinggi sebanyak RM1.81 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding untung sebelum cukai berjumlah RM0.51 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 5, Laporan Tahunan)</p> <p>Kumpulan sedang berusaha mengenal pasti aliran pendapatan baharu serta langkah pengoptimuman kos untuk mengharungi masa yang mencabar ini.</p> <p>a) Adakah Kumpulan berjaya mengenal pasti aliran pendapatan baharu untuk PMC? Jika ya, apakah aliran pendapatan baharu itu?</p> <p>b) Apakah langkah pengoptimuman kos yang diambil oleh Kumpulan? Sila jelaskan jangkaan penjimatan daripada langkah pengoptimuman yang diperkenalkan.</p> <p>Bagaimanakah prospek PMC pada tahun kewangan 2023?</p>
<p>Pegasus Heights Berhad (EGM)</p>	<p>Syarikat telah menyuntik RM10 juta ke dalam perniagaan pinjaman wang pada tahun 2019 melalui PHB Capital. Perniagaan pinjaman wang menjana pendapatan yang rendah sebanyak RM0.162 juta pada tahun kewangan 2021 dan RM0.389 juta pada tahun kewangan 2022. Ia mencatatkan rugi sebelum cukai berjumlah RM0.217 juta pada tahun kewangan 2021 dan RM0.054 juta pada tahun kewangan 2022. (Halaman 4, Pekeliling)</p> <p>a) Sila jelaskan sebab-sebab perniagaan pinjaman wang ini mencatatkan pendapatan yang begitu rendah dalam tempoh dua tahun yang lalu.</p> <p>b) Apakah cabaran yang dihadapi oleh PHB Capital untuk mengembangkan perniagaannya sebelum ini?</p>

	c) Apakah strategi yang digunakan oleh PHB Capital untuk meningkatkan pendapatannya dan sejauh manakah kejayaan strategi tersebut dari segi pertumbuhan pendapatan syarikat?
--	--

#### **PEMANTAUAN KORPORAT MSWG**

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))

---

#### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

---

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.